

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan
DARIPADA : **Puan Mas Ermieyati binti Samsudin**
[**Masjid Tanah**]
TARIKH : **18 Jun 2014 (Rabu)**
SOALAN : **Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

(a) Apakah fokus utama D'Agri Expo 2014 dibawah FAMA serta sejauh manakah matlamatnya dapat dicapai; dan

(b) Sejauh manakah D'Agri Expo yang bakal dijadikan acara tahunan FAMA dapat membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari industri perikanan secara khususnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Ekspo D'AGRI 2014 ini merupakan Ekspo Pertanian yang memfokuskan perdagangan dan pengguna dengan matlamat berikut;

- menawarkan peluang-peluang perniagaan dan keusahawanan kepada mereka yang berminat dalam sektor pertanian;
- mewujudkan satu pusat sehenti untuk memudahkan pemadanan perniagaan diantara usahawan agrotani dengan pemborong dan pasar raya besar serantau;
- memberi ruang kepada pengusaha agromakanan untuk memperkenalkan produk mereka bagi tujuan menguji citarasa pengguna dan memantau sambutan orang ramai;

- menyedarkan serta menarik minat pengguna terhadap beraneka jenis produk pertanian dan agro makanan yang terdapat dipasaran, sebagai pilihan alternatif dengan harga yang lebih berpatutan untuk keperluan harian orang ramai;
- membantu dalam menjalin hubungan perniagaan di kalangan usahawan dan mengwujudkan satu platform di mana semua peserta dapat berkerjasama dan berkongsi idea untuk memajukan perniagaan masing-masing;
- Menonjolkan sektor Agro Pelancongan sebagai nilai tambah kepada pembangunan pelancongan dalam sektor pertanian.

Ekspo D'AGRI 2014 adalah salah satu usaha untuk mengembalikan minat orang ramai terhadap Industri Asas Tani dan memantapkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sektor agromakanan. Seramai 250 orang peserta telah terlibat dalam ekspo ini dan dikunjungi oleh 50,000 pengunjung. Nilai jualan yang direkodkan adalah sebanyak RM3juta dan pemadanan perniagaan dianggarkan bernilai RM25juta manakala sebanyak 10,000 pertanyaan perdagangan diterima semasa D'Agri Ekspo berlangsung. Lanjutan itu, ekspo ini pada keseluruhannya telah mencapai objektif yang ditetapkan dan akan dianjurkan sebagai acara tahunan. Ini akan memastikan bahawa tumpuan berterusan diberikan kepada pekebun-pekebun dan PKS untuk menjual produk mereka secara langsung kepada orang ramai yang mengunjungi ekspo tersebut.